



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 DISEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERJITAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	EKOSISTEM BERASASKAN DATA HARGA BAKAL DIBANGUNKAN, SARAWAK VOICE -ONLINE BEKALAN TELUR AYAM TIDAK CUKUP, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
3.	MMEA CONTINUES SEARCH FOR MISSING INDONESIAN FISHERMEN IN LABUAN WATERS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PERLU ADA ANJAKAN DALAM EKOSISTEM PENIAGA KECIL, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7.	BANJIR TIDAK JEJASKAN BEKALAN IKAN NEGARA-LKIM, NASIONAL, SH -11 40,000 NELAYAN BELUM DAFTAR DENGAN PERSATUAN, NASIONAL, BH -22 40,000 NELAYAN BELUM DAFTAR DENGAN PERSATUAN-LKIM, LOKAL, HM -21	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	HARGA AYAM MASIH TIDAK STABIL, NASIONAL, SH -7 PASAR RAYA JUAL AYAM PADA HARGA RM6.99, NASIONAL, SH -7 'BELUM JUMPA TELUR AYAM DARI INDIA!', LOKAL, HM -22 NAKKAN HARGA TELUR?, MUKA DEPAN, UM -1 & 2 HARGA IKAN KEMBUNG KEMBALI MURAH, DALAM NEGERI, UM -32 PERUNCIT TIDAK TAHU ADA TELUR IMPORT, NEGARA, KOSMO -16 PADI ANGIN JEJAS HASIL TANAMAN, UTARA, HAKAKAH -H18 PEMBEKAL DIDAKWA TAK MAHU JUAL TELUR, NASIONAL, BH -14 TENGGUJUH ALASAN HARGA SAYUR NAIK 3 KALI GANDA, NASIONAL, BH -14	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	SARAWAK VOICE	ONLINE	

Ekosistem berasaskan data harga bakal dibangunkan

PUTRAJAYA: Satu ekosistem berasaskan data harga dari seluruh negara untuk menyuntik keanjalan harga dan bekalan akan dibangunkan dalam usaha membantu mengawal inflasi pada masa akan datang, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata ekosistem yang dilancarkan dalam masa sebulan itu dibangunkan dan digerakkan sendiri oleh pengguna untuk membantu menambah keanjalan dari sudut permintaan.

“Saya berharap kita dapat menyediakan ekosistem dengan tabiat membeli itu banyak dipengaruhi oleh harga berpatutan.

(Jadi) peniaga contohnya hendak menaikkan harga barang makanan yang dijual dari semasa ke semasa, dia fikir dua kali (dan) tidak semudah itu,” katanya pada sidang media Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP) November 2022 di sini semalam.

Rafizi berkata kerajaan tidak akan terlibat secara langsung dalam membangunkan platform untuk ekosistem itu, sebaliknya membantu mereka yang bersedia membangunkannya dengan menyediakan data berkaitan harga purata sesuatu barangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Menurutnya, pengguna juga perlu memainkan peranan untuk menjadikan penawaran dan permintaan barangan lebih anjal, termasuk tidak membeli produk dijual lebih mahal berbanding sebelumnya, supaya harga sesuatu barangan tidak meningkat terlalu tinggi.

Beliau berkata, pengguna di negara ini dilihat masih bersedia untuk membayar harga yang ditawarkan penjual biarpun harga barangan terus meningkat, justeru menyarankan pengguna membeli daripada peniaga yang menawarkan harga berpatutan.

“Bukan boikot. Tetapi, anda tidak perlu membeli kerana ada banyak pengganti. Jika harga dikenakan peniaga dirasakan terlalu tinggi berbanding harga purata peniaga lain, sewajarnya pengguna menjauhi peniaga itu agar faktor permintaan berkurang menekan peniaga untuk menurunkan harga,” katanya.

Menurutnya data IHP November 2022 KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang meneliti keperluan menyenaraikan telur yang diimport sebagai barangan terkawal, antara lain bagi memastikan harganya kekal mampu milik.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata MAFS dalam perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkenaan keperluan berkenaan.

Ia berikutan kebenaran sementara yang diberikan oleh MAFS pada 16 Disember lepas untuk membawa masuk telur daripada sumber luar bagi menampung kekurangan bekalan telur yang sedang dihadapi oleh negara sejak beberapa bulan lepas.

“Telur yang dibawa masuk dari sumber luar (memang) kecil sedikit (saiz) tetapi sekarang peranan kementerian (MAFS) adalah untuk menangani isu bekalan dan memastikannya sedia ada.

“Kita juga memastikan telur yang dibawa masuk berkualiti manakala KPDM memastikan harga (telur diimport) adalah mampu milik,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Pengedaran Kit Makanan MTL dan Intervensi Pengedaran Telur Ayam di ibu pejabat Fama di sini, semalam.

Terdahulu, Haslina meninjau persediaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membekalkan 62,500 kit makanan dan telur kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang akan diedarkan kepada mangsa banjir Monsun Timur Laut (MTL) di negeri-negeri Pantai Timur.

Beliau berkata pengedaran itu bagi melengkapkan hasrat kerajaan mempertingkatkan bekalan dalam membantu golongan yang terkesan. “Kita meningkatkan rantaian bekalan (telur) ke kawasan yang kita telah kenal pasti memang kurang bekalan telur, malah kita tambah lagi jumlah untuk dihantar ke Kelantan dan Terengganu

. “Selain NADMA, pengedaran melibatkan kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk memastikan pergerakan bekalan berjalan dengan lancar,” katanya.

Sementara Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata program tersebut mendapat kerjasama tujuh syarikat pengeluar telur untuk mengedarkan telur ke negeri Pantai Timur yang terjejas akibat banjir, di samping menjamin ketersediaan bekalan telur di kawasan terlibat menunjukkan, satu kategori perbelanjaan paling mempengaruhi inflasi adalah harga barangan makanan dan minuman bukan alkohol iaitu kumpulan perbelanjaan paling besar bagi isi rumah iaitu pada wajaran 29.5 peratus.

“Perbelanjaan makanan dan minum bukan alkohol pula dipecahkan kepada makanan di rumah (pada wajaran 16.9 peratus perbelanjaan) dan makanan di luar rumah (pada 11.5 peratus perbelanjaan),” katanya. – Bernama

Harga ayam masih tidak stabil

Peniaga dakwa isu harga sudah berlanjutan sejak lebih dua tahun lalu

Oleh MUHAMMAD AMMAN HIBRAHIM & MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM



AZMAN



MOHD FADZIL



Peniaga mendakwa harga ayam masih tidak stabil selain permintaan pelanggan terhadap bahan mentah itu juga berkurangan.

Peniaga ayam masih berhadapan dengan ketidakstabilan harga bahan mentah tersebut yang diperolehi daripada pembekal meskipun ia ada merekodkan beberapa kali penurunan dalam tempoh sebulan lalu.

Seorang peniaga ayam di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, Mohd Fadzil Affandi mendakwa, situasi berkenaan sudah berlanjutan sejak lebih dua tahun lalu, iaitu bermula ketika negara memasuki fasa pandemik Covid-19.

"Kalau dulu kita dah boleh agak, contohnya menjelang cuti sekolah, harga akan naik sebab orang akan buat kenduri kahwin dan pelbagai lagi majlis. Jadi adalah biasa kalau harga akan tinggi sebab permintaan tinggi.

"Apabila habis cuti sekolah, dalam seminggu ke dua minggu, harga akan jatuh semula. Itu kebiasaannya.

"Tapi sekarang ini, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), trendnya bukan lagi boleh diagak seperti itu. Harga akan naik dan turun sesuka hati, tidak kira masa.

Tinjauan *Sinar Harian* di sini pada Isnin mendapati peniaga menjual ayam pada harga antara RM9.40 hingga RM9.70, iaitu sekitar harga siling ditetapkan kerajaan sebelum ini.

Mohd Fadzil berkata, dalam tempoh kira-kira sebulan lalu, harga ayam diterima daripada pembekal turun sebanyak tiga kali dari RM8.70 kepada RM7.80, sebelum kembali meningkat sebanyak 30 sen kepada RM8.10.

Ujarnya, disebabkan ketidakstabilan harga itu, keuntungan yang diperolehi antara RM1 hingga RM2 sahaja bagi setiap kilogram ayam yang dijual kepada pelanggan.

Seorang lagi peniaga ayam, Azman Dol Hamid, 57, berkata, walaupun harga bahan mentah tersebut menunjukkan penurunan, dia masih tidak boleh mem-

buat jangkaan sama ada trend itu akan berterusan pada masa akan datang.

Tambahnya, tahap permintaan ayam daripada pelanggan juga masih belum kembali pulih kepada tempoh sebelum pandemik ekoran ramai orang masih lagi berhadapan dengan kekangan kewangan untuk berbelanja akibat tekanan

kos sara hidup.

"Sambutan merhang masih kurang, tidak seperti dulu. Mungkin orang ramai belum ada duit lagi, kesan daripada waktu pandemik dahulu," ujarnya.

Tambah Azman, dia menganggarkan penurunan permintaan adalah sekitar 30 hingga 40 peratus berbanding sebelum pandemik.

Bekalan telur ayam tidak cukup

SHAH ALAM - Bekalan semasa telur ayam yang diberikan oleh pembekal ketika ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan yang agak tinggi.

Seorang peniaga telur ayam di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, Faridah Yusof, 30, berkata, isu kekurangan bekalan telur telah berlarutan sejak tiga bulan lalu bermula pada Oktober tahun ini.

Bagaimanapun, ujar Faridah, harga telur ayam yang dibekalkan itu masih sama dan hal itu membolehkan pihaknya menjual pada harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Sebelum ini bekalan yang kita terima sebanyak 160 papan seminggu. Tapi sekarang pembekal cuma hantar dalam 50 papan sahaja," ujarnya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Isnin.

Di Semenanjung, harga siling ditetapkan bagi telur Gred A ialah 45 sen, telur Gred B (43 sen); dan telur Gred C (41 sen).

Tambahnya, pembekal memaklumkan bahawa isu kekurangan bekalan telur antaranya disebabkan



FARIDAH

oleh tindakan peladang yang menghadkan pengeluaran di samping penutupan banyak ladang di dalam negara.

Mengulas mengenai kesan pelaksanaan kemasukan telur import ke dalam pasaran tempatan, Faridah berkata, pihaknya masih tidak dapat maklumat dan perincian mengenai bekalan telur jenis itu.

"Kita masih tidak tahu berapa harga mereka nak berikan kepada kita dan berapa harga kita boleh jual," ujarnya. Jelas Faridah, dia lebih cenderung mengambil bekalan telur dari dalam negara untuk jualan berbanding import.

Pada 16 Disember lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dilaporkan mula menerima telur ayam dari India bagi menampung kekurangan bekalan di hadapan pasaran tempatan sejak beberapa bulan lalu.

Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, sebanyak 1.33 juta papan atau 39.78 juta biji telur ayam bakal diagihkan secara meluas ke seluruh negara.

Pasar raya jual ayam pada harga RM6.99

SHAH ALAM -

Tinjauan *Sinar Harian* pada Isnin di Pasaraya Econsave sekitar Shah Alam mendapati, ayam dijual pada harga RM6.99 bagi satu kilogram (kg), lebih murah berbanding harga siling yang ditetapkan kerajaan.

Bagaimanapun, harga tersebut ditawarkan di cawangan pasar raya besar sahaja, manakala cawangan runcit ekspres pula menjual pada harga RM16.80 untuk ayam 1.6kg.

Pasar raya tersebut juga meletakkan had pembelian kepada tiga ekor ayam sahaja bagi setiap pelanggan.

Seorang penjual ayam yang ingin dikenali sebagai Jennie, 45, berkata, langkah itu berkemungkinan bagi mengawal bekalan ayam di pasar raya tersebut sekali gus memastikan semua pelanggan dapat membelinya secara sama rata.

"Tawaran harga barangan di pasar raya ini selalu berubah, kadangkala ada turun dan naiknya.



SYAZWANI



AZRIE

"Berhubung bekalan pula, setakat ini pasar raya ini belum lagi mengalami masalah kekurangan stok ayam," katanya.

Sementara itu, pekerja Econsave cawangan runcit di Taman Sri Muda, Seksyen 25, di sini, Azrie Nazrin, 30, berkata, tawaran

harga barangan yang dijual bagi cawangan pasar raya adalah berbeza dengan harga di cawangan runcit.

"Harga ayam di sini dijual RM16.80 bagi 1.6kg. Itu harga untuk cawangan (runcit) ekspres, manakala untuk cawangan pasar raya harganya lain.

Pekerja Econsave cawangan runcit di Hicom Industrial Estate, Syazwani Hamidun, 18, pula berkata, stok bekalan ayam sejuk beku hanya dijual bagi cawangan runcit Econsave di seluruh negara.

"Setakat ini, tiada masalah kekurangan stok ayam. Selalunya pengurusan akan cepat restock (isi semula) mana-mana bekalan yang kurang," jelasnya.

Headline	MMEA continues search for missing Indonesian fisherman in Labuan waters		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	27 Dec 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	8	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,405
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,214



MMEA continues search for missing Indonesian fisherman in Labuan waters

LABUAN: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) Labuan is continuing its search and rescue (SAR) operation for a fisherman, who was reported missing in Labuan waters after trying to free a fishing net caught in their boat's propeller on Christmas Day.

Labuan MMEA director Capt (Maritime) Nudin Jusoh said the victim, identified as Diniela Rambie, 58, had gone fishing with two other crew members at around 5pm.

The search and rescue operation was initiated immediately after receiving a missing person's report from the victim's friends the same day, since he did not come back to the boat.

The victim and another crew member were trying to free the

fishing net that got trapped in the boat's propeller, one crew returned to the boat, but the victim did not after the net was successfully freed," he told Bernama yesterday.

Nudin said the SAR operation, which entered its second day yesterday, involved personnel from the Marine Police, Fisheries Department, and Fire and Rescue Department with the assistance of a number of fishing boats.

He also advised those wishing to go fishing in the sea to take safety precautions, wear safety jackets, and to check the weather forecast and ensure their boats are in good condition.

He said the Foreign Ministry had been informed about the missing fisherman so that it could be channelled to the Consulate General of Indonesia in Malaysia. — Bernama

27 DEC, 2022

Perlu ada anjakan dalam ekosistem peniaga kecil

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Perlu ada anjakan dalam ekosistem peniaga kecil


**BICARA
BISNES**
**MEOR SHAHROM
ZAINUDDIN**

EKONOMI negara berada dalam satu persimpangan. Setelah berjaya membangunkan golongan pendapatan rendah menjadi pendapatan sederhana. Kini, kita berdepan pula cabaran yang amat sengit untuk melonjak daripada pendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi.

Walaupun kita telah menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran dalam tempoh enam dekad untuk sampai ke tahap pada hari ini, perjalanan untuk sampai pendapatan tinggi adalah amat mencabar.

Ini kerana kita baru sahaja menghadapi tamparan ekonomi domestik yang agak hebat dan sehingga boleh dikategorikan dalam fasa krisis khususnya ketika berdepan pandemik Covid-19, dua tahun lalu.

Tumpuan sekarang ialah meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup golongan isi rumah 40 peratus terendah,

yang terdiri kira-kira sekitar 2.4 juta isi rumah. Kebanyakan pendapatan mereka adalah bawah RM2,300 sebulan.

Untuk itu bagi meningkatkan potensi pendapatan perlu ada peluang pekerjaan yang mencukupi atau menggalakkan mereka menjadi usahawan melalui inovasi.

Bercakap ke arah merakyatkan ekonomi melalui pembentukan golongan usahawan ini, baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa pihak berkuasa tempatan menyediakan ruang perniagaan khususnya kepada usahawan, peniaga dan penjaja kecil.

Majlis perbandaran diberi tempoh tiga bulan untuk menyediakan ruang perniagaan yang menjadi tumpuan orang ramai dengan dilengkapi kemudahan asas yang mencukupi.

Kerajaan Perpaduan bertekad untuk menyediakan ruang premis perniagaan yang sewanya tidak terlalu tinggi dan dalam pada itu menghapuskan orang tengah atau ejen yang terlibat dalam menyediakan ruang perniagaan.

Langkah ini sedikit sebanyak mampu melegakan para peniaga dan penjaja kecil yang pada sama berdepan dengan kos perniagaan yang semakin tinggi sejak kebelakangan ini.

Jika ini dapat direalisasikan sebahagian besar daripada kos perniagaan membabitkan sewaan ruang perniagaan dapat dikurangkan.

Dalam pada itu kerajaan baharu mahu agensi kerajaan diperkemaskan dan diperkasakan membantu golongan peniaga kecil, antaranya peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ini penting supaya kos dapat dikawal menerusi tindakan FAMA, iaitu mengambil langkah supaya harga di pusat pengeluaran itu tidak terlalu tinggi di dalam pasaran.

Ini penting bagi membantu usahawan atau peniaga mengurus kos agar lebih berjaya dan mampu berdaya tahan.

Sesungguhnya negara memerlukan fasa perubahan dan transformasi membabitkan peniaga, agensi kerajaan, badan penguatkuasaan, perbankan dan badan berkaitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ini kerana menerusi sokongan kepada perniagaan yang bermula secara 'kecil-kecilan', adalah salah satu cara dapat melonjakkan sosio ekonomi perniagaan ke tahap yang lebih baik.

** Meor Shahrom ialah Ketua Unit Bisnes*



27 DEC, 2022

Perlu ada anjakan dalam ekosistem peniaga kecil

[Sinar Harian, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

EKONOMI negara berada dalam satu persimpangan. Setelah berjaya membangunkan golongan pendapatan rendah menjadi pendapatan sederhana. Kini, kita berdepan pula cabaran yang amat sengit untuk melonjak daripada pendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi. Walaupun kita telah menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran dalam tempoh enam dekad untuk sampai ke tahap pada hari ini, perjalanan untuk sampai pendapatan tinggi adalah amat mencabar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Banjir tidak jejaskan bekalan ikan negara - LKIM

TUMPAT - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menegaskan Monsoon Timur Laut (MTL) yang membawa hujan lebat serta banjir di Pantai Timur tidak menjejaskan bekalan ikan negara di pasaran.

Ketua Pengarahnya, Yusoff Othman berkata, walaupun seramai 1,250 nelayan di Kelantan, Terengganu dan Pahang dilaporkan terjejas dengan bencana tersebut namun mereka di Pantai Barat masih turun ke laut.

"Kita akui ada sedikit penurunan dari segi pendaratan ikan namun ia masih tidak menjejaskan bekalan.

"Malah jika ia berlaku (pengurangan bekalan), kita masih ada stok ikan sejuk beku yang cukup," katanya semasa sidang akhbar semasa merasmikan Program Jiwa Murni di Kompleks LKIM Geting, di sini pada Isnin.

Pada program tersebut, seramai 36 ketua isi rumah (KIR) nelayan Tumpat terima sumbangan tunai dan kit makanan.

40,000 nelayan belum daftar dengan persatuan

LKIM gesa
segera jadi ahli
bagi bolehkan
bantuan
disalurkan secara
menyeluruh

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Dianggarkan 40,000 lagi masih belum mendaftar dengan persatuan nelayan mengakibatkan mereka tercalar daripada menerima bantuan Sehubungan itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggesa semua nelayan di negara ini mendaftar dengan persatuan nelayan agar bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh terutama bagi yang terkesan banjir.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Yusoff Othman, berkata setakat ini hanya 90,000 sahaja nelayan seluruh negara yang berdaftar dengan persatuan nelayan di kawasan masing-masing.

"Kita nak semua nelayan jadi ahli supaya kebajikan mereka terbelak dan setakat ini hanya 90,000 sahaja yang berdaftar, manakala melalui data daripada Jabatan Perikanan



Yusoff (duduk dua dari kanan) bersama penerima sumbangan pada program Jwa Murni di Tumpat semalam. (Foto BERNAMA)

merekodkan 130,000 nelayan seluruh negara.

"Banyak manfaat yang boleh diperolehi jika nelayan mendaftar contohnya, elau sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu, pinjaman tanpa faedah, pendidikan dan Perubuhan Nelayan LKIM, Hamdan Mamat dan Pengarah LKIM negeri Kelantan, Khuzaimah Husain.

Yusoff berkata, setakat ini, seramai 1,250 nelayan di Pahang, Terengganu dan Kelantan terjejas banjir dan pihaknya menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mengagihkan bantuan wang tunai

di Kompleks LKIM Geting, di

sini, dalam program Jwa Murni dengan menyerahkan sumbangan kepada 33 nelayan di Tumpat yang terjejas banjir.

Aktif bilik gerakan

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Nelayan rakat dan Perubuhan Nelayan LKIM, Hamdan Mamat dan Pengarah LKIM negeri Kelantan, Khuzaimah Husain.

Yusoff berkata, setakat ini, seramai 1,250 nelayan di Pahang, Terengganu dan Kelantan terjejas banjir dan pihaknya menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mengagihkan bantuan wang tunai

bernilai RM500 serta makanan asas.

Katanya, LKIM juga sudah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana LKIM di peringkat negeri dan ibu pejabat untuk menyelaras di samping membuat persiapan mengenai intervensi bantuan kepada komuniti nelayan.

"MAFS dan LKIM sentiasa komited untuk meringankan beban yang ditanggung golongan nelayan seterusnya menjaga kebajikan serta keselamatan mereka terjejas, selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan," katanya.

40,000 nelayan belum daftar dengan persatuan: LKIM

Tumpat: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggesa semua nelayan di negara ini mendaftar dengan persatuan nelayan supaya bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh terutama bagi yang terkesan banjir.

Ketua Pengarahnya, Yusoff Othman berkata, setakat ini hanya 90,000 sahaja nelayan seluruh negara yang berdaftar dan dianggarkan 40,000 lagi yang masih belum mendaftar dengan persatuan nelayan di kawasan masing-masing.

"Kita nak semua nelayan jadi ahli supaya kebajikan mereka terbela dan setakat ini hanya 90,000 sahaja yang berdaftar manakala melalui data daripada Jabatan Perikanan merekodkan 130,000 nelayan seluruh negara.

"Banyak manfaat yang boleh diperolehi jika nelayan mendaftar contohnya elaun sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu, pinjaman tanpa faedah, pendidikan dan projek tanaman kontang.

"Paling penting di musim tengkujuh ini yang semua maklum nelayan tidak dapat turun ke laut menangkap ikan dan sudah pasti kera-



YUSOFF (dua dari kanan) diringi Khuzaimah menyampaikan sambutan LKIM Prihatin dalam program Jiwa Murni di Kompleks LKIM Geting, Tumpat. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH/NIK OMAR

jaan akan salurkan bantuan berkaitan," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Terdahulu beliau hadir di Kompleks LKIM Geting, di

rah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM Hamdan Matamat dan Pengarah LKIM negeri Kelantan Khuzaimah Husain.

Yusoff berkata, setakat ini seramai 1,250 nelayan di Pahang, Terengganu dan Kelantan terjejas banjir dan pihaknya menerusi Kementerian Pertanian dan Keter-



Banyak manfaat yang boleh diperolehi jika nelayan mendaftar contohnya elaun sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu"

Yusoff Othman

Jaminan Makanan (MAFS) mengagihkan bantuan wang tunai bernilai RM500 serta makanan asas.

Katanya lagi, LKIM juga sudah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana LKIM di peringkat negeri dan ibu pejabat untuk menyelaras selain membuat persiapan mengenai intervensi bantuan kepada komuniti nelayan.

"MAFS dan LKIM sentiasa komited membantu meredakan beban ditanggung golongan sara nelayan seterusnya menjaga kebajikan serta keselamatan mereka terjaga selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan," katanya.



RAK yang menempatkan telur ayam kosong ketika tinjauan di sebuah kedai di Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/EZAZI SHAHNSUDIN

ISU KEKURANGAN TELUR

‘Belum jumpa telur ayam dari India!’

Oleh Amir Abd Hamid dan Sri Ayu Kartika Anasi am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Setakat ini, saya tak pernah jumpa lagi telur ayam import dari India yang dikatakan dibawa masuk ke Malaysia untuk mengatasi kekurangan telur ayam di negara ini,” kata peniaga, Rizal Hussin, 50.

Rizal yang berniaga kuli di sekitar Kampung Baru di sini berkata, dia sedia maklum mengenai langkah negara mengimport telur ayam dari India, namun tidak pernah lagi menemui telur berkenaan di kedai runcit mahupun pemborong telur.

“Sebagai pengguna, apa yang ada (telur) di pasaran saya tetap beli, tetapi saya cubalah mencari telur Gred B terutamanya sebab harganya

murah sedikit berbanding Gred A.

“Saya kadang-kadang hairan dengan isu telur ini, ada dengar kata dan obey, tetapi bila cari tak ada pula. Ini pasal telur import pula, kerajaan kata ada namun dalam pasaran tak ada pula juma,” katanya ketika ditemui, semalam.

Pekerja swasta, Nashrah Zulkoolit, 33, turut berkongsi pengalaman sama apabila menghadapi kesukaran me-

memui telur ayam yang dikatakan diimport dari India di pasaran.

“Kerajaan import telur tetapi tak tahu di mana telur itu dijual sebab saya tak pernah jumpa. Biasanya saya beli telur di kedai runcit berdekatan rumah di Kampung Padang Balang, Gonggah, itu pun ketika krisis kekurangan telur kena buat tempahan dahulu dengan kedai berkenaan,” katanya.

Muhammad Saifq Mu-



RIZAL menunjukkan telur ayam yang dibeli di Kuala Lumpur.

import dari India. Beliau berkata, telur import yang dibawa masuk itu banyak ada di sebuah jenama pasar raya tempatan.

Tinjauan mendapati unit harga telur yang dijual pada hari ini di kedai borong itu adalah Gred AA (RM15.90), Gred A (RM13.50), Gred B (RM12.90), Gred C (RM12.30), Gred D (RM12.30) dan Gred E (RM12).

Tinjauan turut mendapati stok telur ayam tempatan yang dihantar dari Melaka ke kedai borong berkenaan sebanyak 1,700 papan hampir habis tidak sampai sejam, selepas diturunkan dari lori. Baru-baru ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFAS) membenarkan kemasukan telur ayam import dari India melalui laluan udara sebagai fasa percubaan.

MAFAS sudah membawa masuk telur ayam dari negara luar itu untuk menampung kekurangan bekalan telur yang sedang dihadapi negara bulan lalu.

Sebagai pengguna, apa yang ada (telur) di pasaran saya tetap beli, tetapi saya cubalah mencari telur Gred B terutamanya sebab harganya murah sedikit berbanding Gred A”

Rizal Hussin

hammad, 27, dari Taman Dato’ Semu, Senulipula berkata, dia dan isterinya Aisa Muhammad Alias, 25, tidak pernah mencari telur ayam import dari India sebab membeli untuk tetap membeli produk telur ayam tempatan.

Sementara itu, penyelia Kedai Pemborong Telur, Plastik dan Barang Runcit Penuaingan Wan Sing (KI) Sdn Bhd di Lorong Haji Hussein 3, Azrin Mohalim, 21, berkata, syarikat mereka belum menerima telur ayam

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Saran setiap biji semua gred naik 5 sen, kos pengeluaran tinggi

Naikkan harga telur?

Oleh **NUR ADRIANA MOHD AZMAN**
 utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mengambil kira cadangan menaikkan harga siling telur ayam sebanyak lima sen sebiji bagi semua gred bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan bahan makanan tersebut.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga perlu melihat

keseluruhan rantaian pengeluaran telur ayam seperti isu makanan dan kos elektrik yang boleh diberikan subsidi supaya dapat membantu pengeluar menampung kos pengeluaran.

Pakar industri ternakan ayam, Prof. Madya Dr. Azhar Kasim berkata, walaupun setiap biji telur ayam diberikan subsidi namun jumlah yang diagihkan tersebut belum mampu menutup kos menghasilkan sebiji

telur ayam oleh pengeluar.

Menurut beliau, langkah menaikkan harga adalah perlu kerana kos pengeluaran telur kini adalah sama dengan harga jualan runcit menyebabkan pengeluar mengalami kerugian dan tidak mampu menambahkan bekalan ke pasaran.

"Mengikut perkiraan saya, kos jualan adalah sama dengan kos menghasilkan sebiji telur. Sebagai contoh, harga telur

bagi gred C adalah 41 sen sebiji dan itulah kos menghasilkannya.

"Cadangan menaikkan harga telur sebanyak lima sen setiap biji itu sekurang-kurangnya dapat membantu penternak menampung kos produksi yang tinggi. Kerajaan perlu ada rasa simpati terhadap pengusaha dan penternak.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Naikkan harga telur?

Dari muka 1

“Itu (kos) tak termasuk lagi dengan pengiraan kos pengedaran telur, pembungkusan, kos utiliti, gaji pekerja dan bayaran pinjaman bank yang jauh lebih tinggi,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Azhar berkata, dengan harga produksi dan telur yang mempunyai harga yang sama, pengusaha dan penternak tidak akan mampu menampung beban kos produksi yang tinggi kerana tiada keuntungan yang diperoleh daripada pihak mereka.

Mengulas lanjut, dengan cadangan kenaikan harga siling telur tersebut, pengguna perlu faham kenaikan tersebut adalah perkara biasa kerana situasi negara sekarang yang sedang menghadapi inflasi.

“Pada masa sama, pengguna perlu menerima hakikat dan fakta bahawa harga telur sekarang naik sedikit, kalau harga ikan dan sayur sudah melambung berkali ganda, takkan telur tidak akan naik.

“Jika terlalu mahal, pengguna boleh guna alternatif lain seperti tukar cara pemakanan mereka, apa-apapun semuanya datang dalam satu pakej, kurangkan perbelanjaan selain perlu menjaga pemakanan kerana ia untuk kebaikan kesihatan kita semua,” jelasnya.

Katanya, tiada masalah jika pengguna menukar kepada makanan alternatif daripada makan telur ayam kerana Malaysia antara negara peme-



Pengguna perlu menerima hakikat dan fakta harga telur sekarang naik sedikit, kalau harga ikan dan sayur sudah naik melambung berkali ganda, takkan telur tidak akan naik.”

gang rekod obesiti tertinggi di Asia iaitu sudah melebihi 30 peratus, maka tidak salah untuk beringat dan menjaga pemakanan demi kesihatan

Bagaimanapun, Azhar berkata, isu kekurangan bekalan domestik telur tidak dapat diselesaikan dengan hanya menaikkan harga siling telur.

“Tentang isu kekurangan bekalan telur ini, dengan menaikkan harga siling telur ia bukanlah satu jalan penyelesaian kerana masalah ini agak sukar untuk diatasi tetapi tak dapat dinafikan ia merupakan satu jalan alternatif yang baik.

“Cadangan saya, kita naikan dulu kos siling harga telur ini, dan jika bekalan masih tidak mencukupi, barulah kita mengapungkan harga telur ayam kerana langkah ini kita perlu buat satu per satu untuk melihat jika ada penambah-

baikan dari segi bekalan stok telur,” jelasnya.

Azhar menambah, bagi cadangan harga untuk mengapungkan telur ayam, itu lebih baik jika industri pasaran yang menetapkan harga tersebut kerana menurut laporan yang diterima telur yang diimport kurang mendapat sambutan daripada pengguna.

“Saya cadangkan kita tengok dulu hasilnya bagaimana, kerana jika bekalan masih berkurang, ini menunjukkan yang penternak dan pengusaha masih mengalami kesukaran dalam menyediakan bekalan telur.

“Tetapi perlu diingatkan, masalah telur ini kita tidak boleh melihat dan mengka-jinya untuk semalaman sahaja kerana isu ini ia perlu dilihat bermula daripada anak ayam, berubah kepada induk ayam.

“Selepas proses itu, ayam hanya akan mula bertelur pada umur lima bulan maka kesan atau impak itu kita hanya akan dapat lihat lima bulan daripada sekarang, itupun kalau ada stok pasukan anak ayam,” katanya lagi.

Pada Julai lalu, persatuan penternak telah meminta kerajaan memberikan subsidi lapan sen bagi setiap telur ayam untuk membantu mengekalkan perniagaan penternakan telur dan memastikan keselamatan makanan negara.

Kerajaan pula sejak 1 Julai lalu menetapkan harga siling pada 45 sen setiap telur ayam Gred A, 43 sen untuk Gred B dan 41 sen untuk Gred C.

Harga ikan kembung kembali murah

SUNGAI PETANI: Lambakan hasil laut di Pasar Bisik Kuala Muda, di sini menyaksikan harga pelbagai jenis ikan menurun, peniaga dan pengguna.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, harga ikan kembung jatuh mendadak daripada RM9 sekilogram (kg) sebelum ini kepada RM5 menyebabkan

permintaannya melebihi penawaran berbanding hari biasa.

Seorang nelayan, Mahmud Mat Ali, 43, berkata, dia tidak menyangka memperoleh tangkapan ikan kembung yang banyak berbanding dua tiga hari sebelum ini.

"Keseluruhan nelayan yang turun ke laut kelmarin memperoleh hasil tangkapan terutama

ikan kembung yang banyak menyebabkan kami gembira.

"Biarpun harga dibeli peraih rendah, kami bersyukur kerana memperoleh pendapatan tinggi berikutan ikan dijual dengan kuantiti banyak," katanya ketika ditemui, semalam.

Selain ikan kembung, harga udang dan sotong turut turun antara RM4 hingga RM5 sekilo-

gram.

Seorang lagi nelayan, Zainal Abidin, 50, berkata, peningkatan perolehan hasil laut dijangka berterusan sehingga akhir bulan ini selepas keadaan laut kembali tenang dan cuaca elok.

"Kami menjangkakan laut tidak lagi bergelora dan peluang ini membolehkan kami me-

mukat ikan, udang serta ketam dengan selamat. Syukur hasil laut yang diperoleh banyak ini turut meningkatkan pendapatan kami untuk menyara keluarga," katanya.

Sementara itu peniaga ikan, Hamid Mat Yani, 48, berkata, harga belian hasil laut yang didaratkan nelayan di sini bergantung kepada bekalan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	KOSMO	NEGARA	16

Peruncit tidak tahu ada telur import

BATU PAHAT – Masih ramai peniaga khususnya peruncit tidak tahu adanya telur ayam import dari negara India yang sudah berada di negara ini.

Tinjauan di beberapa buah kedai runcit dan pasar raya di Pekan Ayer Hitam di sini mendapati peniaga hanya mendapat bekalan telur ayam tempatan kerana masih belum mendapat sebarang maklumat berkaitan telur ayam import.

Seorang peniaga yang dikenali sebagai Ah Seng, 40, berkata, kedai runcit miliknya hanya menjual telur ayam gred B semenjak krisis bekalan berlaku.

Katanya, keadaan itu disebabkan bekalan telur ayam gred A terlalu terhad dan mahal selain sukar mendapat pembekal yang membekalkan telur ayam saiz ber-



HANYA telur ayam gred B dijual di sebuah kedai runcit di Ayer Hitam.

keanaan.

“Untuk telur ayam gred B pun kami hanya menerima bekalan antara 50 hingga 60 papan untuk seminggu sedangkan kebiasaannya habis terjual dalam tempoh hanya dua hari.

“Walaupun kami terpaksa hadkan pembelian hanya satu papan untuk seorang, namun masih tidak mampu mengawal kadar pelanggan yang datang membuat pembelian,” katanya ketika ditemui di sini.

Dalam pada itu, pengurus

stor sebuah pasar raya di Ayer Hitam berkata, walaupun mendapat bekalan sehingga 100 papan bagi setiap gred A dan B, namun tetap tidak cukup kerana hanya dihantar antara lima hingga enam hari sekali.

Katanya, sebagai alternatif pihak pengurusan pasar raya ini menyediakan pilihan sampingan iaitu telur ayam omega dan ayam kampung.

“Semua urusan bekalan telur ayam akan diuruskan oleh pihak pengurusan pasar raya,” jelasnya.



KERATAN Kosmo! 24 Disember 2022.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	HARAKAH	UTARA	H18

Padi angin jejas hasil tanaman

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**



>> Sidang DUN
PERLIS

KANGAR: Hampir setiap musim, pesawah berdepan isu padi angin yang menyebabkan hasil tanaman padi terjejas di negeri Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, di peringkat awal penanaman sehingga padi masak, pesawah lazimnya tidak dapat membezakan di antara pokok padi dan padi angin.

Justeru itu, katanya, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi mengatasi permasalahan tersebut.

"Antaranya pesawah disaran menggunakan benih padi sah yang dikeluarkan oleh pengeluar benih yang dilantik.

"Di samping itu, MADA turut menyediakan Sena-

rai Semakan Tanaman Padi sebagai panduan kepada pesawah bagi mengawal serangan padi angin dengan memberi penekanan bermula daripada peringkat pemilihan benih yang sah,"



Razali Saad... guna benih padi sah.

katanya ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, di sini pada Khamis 22 Disember lepas.

Beliau berkata demikian ketika menjawab per-

tanyaan lisan oleh Abu Bakar Hamzah (Bersatu-Kuala Perlis) mengenai langkah yang diambil kerajaan negeri khususnya MADA dalam mengatasi isu padi angin.

Malah katanya, pesawah juga digalakkan menggunakan kaedah tabur terus dalam air atau melalui kaedah menanam sama ada secara mencedung (manual) ataupun menggunakan jentera (mekanikal).

Dalam masa yang sama, ujar Razali, pihak Jabatan Pertanian negeri juga mengambil beberapa langkah bagi mengatasi isu tersebut antaranya dengan menjalankan Bancian Pengesanan dan Ramalan (P&R) dan lawatan diagnostik sekiranya menerima aduan berkaitan isu tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Pembekal didakwa tak mahu jual telur

Harga ditetapkan kerajaan dianggap terlalu murah, kurang beri keuntungan

Oleh Azhar Shamsuddin dan Amin Marhatoon Abd Ghani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan pengusaha kedai runcit mendakwa bekalan telur dihantar berkurangan dan mahal.

Tinjauan BH di kedai runcit sekitar ibu negara mendapati, tidak banyak premis mempunyai bekalan mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna, sekali gus menyebabkan mereka terpaksa ke beberapa tempat bagi mendapatkan bekalan.

Seorang pengusaha kedai runcit yang enggan, namanya di-siarkan mendakwa, pembekal tidak mahu menjual telur kepada pengusaha berikutan harga ditetapkan kerajaan terlalu murah.

"Sebelum ini ada juga isu kekurangan bekalan, tetapi ia pulih seketika selepas Kabinet Kerajaan Perpaduan dibentuk.

"Seminggu selepas itu, saya dimaklumkan pembekal tidak dapat menghantar banyak bekalan seperti sebelum ini kerana harga ditetapkan kerajaan terlalu murah dan tidak menguntungkan.

"Ini menyebabkan peruncit juga terpaksa menjual dengan harga lebih mahal," katanya.

Selepas insiden itu, pengusaha kedai runcit ini cuba mendapatkan bekalan daripada pembekal berlainan, tetapi juga masih tidak mencukupi.

"Semalam (kelmarin) saya menerima 10 papan telur, tetapi hari ini (semalam) lebih banyak iaitu 40 papan telur pelbagai gred.

"Saya tidak boleh memilih gred dimahukan. Semua bekalan diperolehi tertakluk kepada bekalan daripada pembekal.

"Saya harap kerajaan dapat menyelesaikan segera masalah ini yang bukan saja membebaskan pengguna, malah peruncit juga terkesan," katanya.

Beliau berkata, bekalan tepung gandum buatan tempatan

juga semakin berkurangan, tetapi pihaknya ada alternatif menerusi bekalan tepung import dari Turki dengan harga sama iaitu RM3.50 sekilogram.

Bagi pekerja swasta, Norzilawati Rahmat, 46, telur sukar didapati dan mahal, menyebabkannya terpaksa ke kedai runcit jauh dari rumah untuk dapatkan bekalan.

"Sebelum ini saya membeli telur RM15 sepapan, tetapi sekarang melebihi RM20 dan sangat membebankan," katanya.

Ruantes kurang telur

Sementara itu, di Kuantan, tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit sekitar Sungai Lembing, Indera Mahkota, KotaSAS, Balok, Sungai Soi dan Batu, 6 mendapati telur ayam masih sukar diperolehi.

Kebanyakan pasar raya menjual telur Omega 30 biji antara RM17.90 hingga RM20, manakala saiz telur, A, B, C dan D dijual dalam pek 10 biji.

Pengguna mempersoalkan kerajaan yang kerap membuat kenyataan bekalan mencukupi, malah menasihatkan rakyat tidak membuat pembelian panik.

Peniaga, Mohd Sukhri Mat Ya-



Kebanyakan rak telur kosong di beberapa pasar raya dan kedai runcit dalam tinjauan di sekitar Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizaiti Shamsudin/BH)

ki, 38, berkata kenyataan kerajaan bercanggah dengan situasi semasa.

"Apabila kerajaan kata telur cukup, bermakna masalah bekalan sepatutnya selesai tetapi perkara sebaliknya berlaku.

"Pengguna terutama peniaga kecil seperti kami sukar bekalan dan terpaksa mencari dari kedai ke kedai," katanya.

Suri rumah, Siti Noor Hasmah Tahir, 40, berkata penduduk sukar mendapatkan bekalan telur sejak tiga bulan lalu, malah ada kedai runcit hanya menjual 10 biji kepada pelanggan untuk berlaku adil.

"Sukar untuk mendapatkan te-

lur 30 biji sepapan di sini," katanya yang menetap di Sungai Lembing.

Peniaga kedai runcit Pasar Besar Kuantan, G Padmi, 64, pula berkata jika sebelum krisis bekalan telur berlaku lebih tiga bulan lalu, dia memperolehi 70 sarang daripada pembekal tetapi kini hanya 10 atau 20 sarang saja setiap kali penghantaran.

"Dalam tempoh satu atau dua jam, telur sudah habis terjual.

"Pembekal hanya datang dua kali seminggu dan bekalan telur diagihkan berdasarkan permintaan peniaga, ia memang tidak mencukupi," katanya yang sudah berniaga hampir 40 tahun.

Tengkujuh alasan harga sayur naik 3 kali ganda

Dungun: Harga sayur-sayuran di daerah ini termasuk bayam, kangkung, kacang panjang, timun dan kailan meningkat hampir tiga kali ganda dengan peniaga mendakwa ia susunan musim tengkujuh yang berlaku sekarang.

Tinjauan di Pasar Besar Dungun semalam mendapati bayam dijual RM15 hingga RM16 sekilogram berbanding RM6 hingga RM7 sebelum ini, manakala kangkung RM14 hingga RM15 sekilogram berbanding RM4 hingga RM5.

Peniaga sayur, Fatimah Abdul Rahman, 72, berkata harga petola antara paling tinggi iaitu RM17 berbanding sebelum ini antara RM5 hingga RM7, manakala kailan dijual RM20 berbanding RM7 hingga RM8.

Katanya, kenaikan harga sayuran sejak seminggu lalu disebabkan musim tengkujuh dan peniaga menerima bekalan daripada pembekal dengan harga tinggi sejak kelmarin sehingga hampir tiga kali ganda.

"Peningkatan harga sayuran itu berikutan banyak kawasan



Fatimah ketika melayan pelanggan membeli sayur.

(Foto Rosli Ilham/BH)

tanaman ditenggelami banjir dan sejak semalam (kelmarin), harga sayuran semakin naik.

"Kacang panjang dijual RM11 berbanding harga biasa di an-

tara RM6 dan RM 7 sebelum ini, sawi hijau RM12 berbanding RM8, timun besar juga naik dan terpaksa dijual RM6 berbanding RM2 hingga RM3 sebelum ini.

"Kami tidak dapat berbuat apa-apa sebab ambil daripada pembekal dengan harga tinggi," katanya.

Sementara itu, pemborong

dan penanam sayur, Roshaim Yusof, 30, berkata dia menyangka kenaikan harga sayuran berikutan hampir keseluruhan tanaman sayur ditenggelami banjir.

Katanya, selain penanam sayur lain, dia juga terkesan apabila tanaman yang ditanam di tanah berkeluasan kira-kira 10 hektar musnah ditenggelami banjir.

"Saya tidak menyangka banjir kali ini sangat buruk sehingga tanaman sayuran seperti kailan, bendi, kacang panjang, kangkung, ubi keledek, bayam, labu, petola dan sebagainya musnah ditenggelami air sedalam hampir dua meter," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 20 lagi penanam sayur di beberapa kawasan di daerah ini turut mengalami nasib sama.

"Kejadian itu menyebabkan kami tidak dapat membekalkan sayuran kepada peniaga di pasar Dungun dan Kemaman, sekali gus menyebabkan peningkatan kenaikan harga sayur," katanya.